



Publication	Utusan Malaysia	Section / Page	Online	Date	28/10/2021
Headline	Pelan Takaful Motor Anjal Pertama Negara				

Pelan takaful motor anjal pertama negara

PETALING JAYA: Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (STMAB) melancarkan *Takaful myClick Motor FlexiSaver*, pelan takaful motor anjal pertama negara dengan perlindungan harian *Pay As You Drive* (PAYD).

Pengerusi Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB), Datuk Mohammed Hussein berkata, pelan Takaful myClick Motor FlexiSaver merupakan pilihan terbaik memandangkan ia bersesuaian dengan keperluan kewangan serta memberi perlindungan bagi mereka yang jarang memandu atau memiliki beberapa kereta.

Kata beliau, perlindungan harian PAYD memberikan pelanggan keanjalan untuk mengaktifkannya sehari sebelum mereka memandu dan dikenakan bayaran hanya pada hari mereka memandu.

"Pelan perlindungan yang fleksibel adalah masa hadapan sektor insurans dan takaful. Menawarkan produk insurans dan takaful dalam ruang mobiliti



baharu yang mudah, fleksibel dan berdasarkan penggunaan merevolusikan industri.

"Ini bermakna, pengguna mempunyai pilihan untuk membuat keputusan dan mem-

bayar hanya perlindungan yang mereka perlukan apabila perlu," katanya dalam kenyataan semalam.

Pelan takaful anjal tersebut dilancarkan dalam satu majlis maya baru-baru ini yang dianjurkan oleh STMAB bersama rakan teknologinya, Fusionex.

Menurut STMAB yang merupakan cabang takaful am kepada STMKB, *Takaful myClick Motor FlexiSaver* ialah pelan takaful motor dalam talian yang menyediakan perlindungan setahun untuk kehilangan atau kerosakan pada kenderaan akibat kebakaran atau kecurian, serta kecederaan anggota badan, kematian atau kerosakan harta benda pihak ketiga.

Katanya, pelan itu ditawarkan melalui portal jualan dalam talian Takaful Malaysia dan aplikasi mudah alih *Click for Cover* dan ia menyediakan program bantuan bahu jalan 24 jam untuk khidmat tunda kerosakan tanpa had dan pembaikan kecil di bahu jalan.